

FEBRUARI  
2020

*Aspirasi  
Kejemplangan*

# PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | [www.pknpp.gov.my](http://www.pknpp.gov.my)

## PANTAU PROJEK SECARA TERPERINCI DAN RAPI - Pengerusi PKNP



YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Haji Wan Ismail sedang  
mempengerusikan mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP  
Bil.1/2020

Kuala Lumpur, 18 Februari - YAB Menteri Besar, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Haji Wan Ismail selaku Pengerusi PKNP menyarankan agar pelaksanaan 54 projek yang telah diluluskan peruntukan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) bagi tahun 2019 dan 2020 sebanyak RM56 juta dipantau secara terperinci dan rapi supaya tidak ada projek-projek yang terbengkalai dan rakyat Negeri Pahang dapat menikmati manfaatnya.

Hal ini dinyatakan oleh beliau ketika mempengerusikan Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP yang telah berlangsung di salah sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Mesyuarat ini turut membincangkan tentang permohonan PKNP untuk mendapatkan peruntukan kerajaan persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 tahun 2021 bagi pelaksanaan 15 projek baharu dengan keseluruhan kos dianggarkan bernilai RM61.4 juta.

## MAJLIS PERPISAHAN SEMPENA PERSARAAN AHLI PERBADANAN PKNP

Kuantan, 12 Februari - PKNP telah mengadakan Majlis Perpisahan sempena persaraan YH. Dato' Indera Haji Mohamad Roslan bin Harun yang bersara berkuatkuasa 25 Januari 2020 yang lalu di salah sebuah hotel terkemuka di Kuantan baru-baru ini.

YH. Dato' Indera Mohamad Roslan sebelum ini memegang jawatan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang dan sebagaimana termaktub dalam Enakmen PKNP, beliau secara automatik dilantik sebagai Ahli Perbadanan PKNP.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar dalam ucapannya berkata, sejak perantaraan sebagai Ahli Perbadanan pada 2 Februari 2016, YH. Dato' Indera Haji Mohamad Roslan banyak membantu PKNP khususnya dalam memberi nasihat dan cadangan yang bernas.

"Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan idea yang membina dan responsif YH. Dato' Indera demi keceMERLANGAN PKNP", kata beliau.

Selain dilantik sebagai Ahli Perbadanan PKNP, YH. Dato' Indera Mohamad Roslan juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit PKNP.

Hadir sama di majlis ini, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Setiausaha Perbadanan serta Pengurus-Pengurus Bahagian/Unit PKNP.



Penyampaian cenderamata kenangan



"Terima kasih YH Dato' Indera di atas sumbangan idea yang membina dan responsif demi keceMERLANGAN PKNP" - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP



## **PKNP TERIMA KUNJUNGAN ENTERPRISE SINGAPORE GOVERNMENT (ESG) KE KUANTAN, PAHANG**



Delegasi ESG bergambar kenangan bersama Ketua Pegawai Eksekutif PKNP

ESG merupakan sebuah agensi kerajaan di Kementerian Perdagangan dan Industri Singapura (MTI) yang berperanan untuk menarik pelaburan ke Singapura. ESG juga adalah agensi yang berkerjasama rapat dengan SME Singapura dalam membantu pelan pelaburan antarabangsa ke Malaysia bersama-sama dengan rakan pelaburan tempatan.

Satu sesi mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengurus Perindustrian Tuan Haji Md Daud Abdul Rahman telah diadakan untuk menyelaras cadangan lawatan kerja ini. Turut hadir, wakil jabatan dan agensi berkaitan dari Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), MIDA, MITI dan ECERDC serta Penolong Pengurus Perindustrian Puan Dhaleazafarina Md Zabani. Susulan daripada mesyuarat, pihak PKNP telah mengatur lawatan tapak ke Gambang Halal Park dan seterusnya ke Kawasan Perindustrian Gebeng, Malaysia China Industrial Park (MCKIP), dan juga Kuantan Port Consortium Sdn Bhd (KPC).

Kuantan, 6 Februari - PKNP telah menerima kunjungan pihak Enterprise Singapore Government (ESG) yang berhasrat untuk mengadakan lawatan kerja ke Kuantan, Pahang Darul Makmur bagi mendapatkan maklumat serta meninjau peluang-peluang pelaburan di Negeri Pahang.

## **DUA ORANG ANGGOTA PEKERJA PKNP BERSARA**

Dua orang anggota pekerja PKNP iaitu, Tuan Haji Ahmad Ghulamuddin bin A Ghani, Pengurus Audit Dalam dan Encik Abdul Nasir bin Abdul Manan dari Bahagian Perindustrian telah bersara pada bulan Februari 2020.



Tuan Haji Ahmad Ghulamuddin bin A Ghani

Tuan Haji Ahmad Ghulamuddin bin A Ghani menamatkan perkhidmatan pada usia 58 tahun (Persaraan Pilihan) atas faktor kesihatan berkuatkuasa 1 Februari 2020. Memulakan perkhidmatan sebagai Pegawai Kerja Akaun mulai 4 Jun 1985. Selanjutnya ditawarkan ke perkhidmatan kewangan Penolong Akauntan W6 mulai 1 Januari 1992 sebelum ditawarkan ke skim perkhidmatan yang sama atas gred W27 pada 1 November 2002. Beliau dipinjamkan ke BCIC Holdings Sdn. Bhd. mulai 1 Mac 2003 sehingga 28 Februari 2009.

Seterusnya beliau dilantik Akauntan Gred W41 pada 1 Julai 2007 dan Akauntan Gred W44 pada 1 Ogos 2014. Beliau telah menerima tawaran sebagai Pengurus Audit Dalam berkuatkuasa 2 Oktober 2017 sehingga ke tarikh persaraan. Sepanjang tempoh perkhidmatan selama 34 tahun 7 bulan, beliau telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) PKNP pada tahun 1994, 2005 dan 2015. Beliau turut dikurniakan Pingat Peringkat Keempat Darjah Kebesaran Mahkota Pahang - Ahli Mahkota Pahang (AMP) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada tahun 2008.

Manakala Encik Abdul Nasir bin Abdul Manan dari Bahagian Perindustrian bersara paksa pada usia 60 tahun berkuatkuasa 5 Februari 2020 dengan perkhidmatan selama 39 tahun 6 bulan. Memulakan kerjaya di PKNP sebagai Pegawai Kerani pada 19 Julai 1980. Pada 1 Januari 1992, beliau telah ditawarkan perkhidmatan pentadbiran Pembantu Tadbir N9 dan seterusnya ditawarkan dalam skim perkhidmatan yang sama atas Gred N17 berkuatkuasa 1 November 2002.



Encik Abdul Nasir Bin Abdul Manan

Pengurusan PKNP bersetuju meluluskan kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir Gred N22 berkuatkuasa 1 September 2007 sebelum dinaikkan pangkat ke Gred N26 mulai 1 April 2015. Sepanjang tempoh perkhidmatan, beliau pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) PKNP pada 2006 dan 2016 serta penerima Pingat Kelakuan Terpuji (PKT) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada tahun 2008.

Beliau juga aktif dalam aktiviti sukan dan persatuan di PKNP serta menyandang jawatan Setiausaha Kehormat Kelab Keluarga Kumpulan PKNP sejak awal penubuhan sehingga beliau bersara. Khidmat beliau disambung secara kontrak selama dua bulan bermula pada 5 Februari 2020 hingga 4 April 2020.

PENGGERAK serta seluruh warga kerja PKNP mengucapkan Selamat Bersara kepada kedua-dua pesara tersebut.



## **PKNP SERTAI PROTUNE PERINGKAT KEBANGSAAN 2019 DI PERLIS**

Perlis, 13 Februari - Konvensyen Program Tunas Niaga (PROTUNE) Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 2019 telah berlangsung dengan jayanya pada 13 hingga 15 Februari 2020 bertempat di Universiti Malaysia Perlis, Kampus Pauh, Perlis.

Program ini anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia dan mendapat sokongan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) seluruh Malaysia dengan matlamat untuk menggilap budaya dan semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah di samping untuk menilai dan memberi pengiktirafan kepada para peserta yang telah menayakan PROTUNE di sekolah masing-masing.

Konvensyen PROTUNE Kebangsaan kali ini melibatkan penyertaan 180 buah sekolah menengah seluruh negara dan lapan kategori Anugerah telah dipertandingkan iaitu Anugerah Syarikat Terbaik, Persembahan Terbaik, Perkhidmatan Terbaik, Produk Kreatif Terbaik, Laporan Tahunan Terbaik, Guru Pengelola Terbaik, Pengurusan Terbaik dan Agensi Pelaksanaan Terbaik.

Program tiga hari ini turut diisi dengan Seminar Keusahawanan daripada usahawan-usahawan berjaya antaranya Usahawan Kosmetik Dato' Seri Vida serta Promosi Produk dan Perkhidmatan Syarikat-Syarikat PROTUNE.

Majlis Penutup Konvensyen ini telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Penaja dan Pemiaga Kecil; Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan; dan Pembangunan Usahawan dan Industri Kecil dan Sederhana Negeri Perlis mewakili Menteri Besar Perlis. Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha MEA dan wakil Kementerian Pendidikan Malaysia.



Wakil-wakil PKEN yang menghadiri PROTUNE Peringkat Kebangsaan 2019. Encik Nasry bin Kassim, Pengurus Pembangunan Komuniti & Keusahawanan (kiri sekali) mewakili Ketua Pegawai Eksekutif PKNP

## **DELEGASI JABATAN PEGUAM NEGARA LAWAT PUSAT TENUN PAHANG DIRAJA**



Y.Bhg Datuk Siti Zainab diberi penerangan berkaitan produk Tenun Pahang Diraja oleh Setiausaha Perbadanan

Kuantan, 14 Februari - Delegasi seramai lapan orang dari Jabatan Peguam Negara yang diketuai oleh Peguamcara Negara 2, Yang Berbahagia Datuk Siti Zainab binti Omar telah mengadakan kunjungan ke Realistic Attraction Sdn. Bhd. (RASB) baru-baru ini.

Beliau yang diiringi oleh Yang Berhormat Pegawai Undang-Undang Negeri Pahang, Dato' Sri Shamsulbahri bin Haji Ibrahim telah meluangkan masa selama hampir dua jam untuk melihat sendiri aktiviti pemprosesan tekstil Tenun Pahang Diraja yang dikendalikan oleh RASB.

Sempena kunjungan ini, turut diadakan perbincangan di antara pihak Jabatan Peguam Negara dengan pihak RASB mengenai cadangan pembelian Kain Tenun Pahang Diraja untuk dijadikan sebagai cenderamata persaraan kakitangan jabatan berkenaan.

Hadir meraikan delegasi, Setiausaha Perbadanan PKNP, Yang Berbahagia Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin yang juga Ahli Lembaga Pengarah RASB.

## **PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLING PASUKAN PKNP BERTEMU PASUKAN PMINT**

Kuantan, 1 Februari - Sebagai persediaan untuk penyertaan Sukan Gemaputera XVI Selangor 2020 yang bakal membuka tirai pada bulan Mac ini, Pasukan Boling PKNP telah mengadakan perlawanan persahabatan dengan Pasukan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) yang telah berlangsung di Megalanes, Kuantan baru-baru ini.

Dalam perlawanan tersebut Pasukan PKNP berjaya menewaskan Pasukan PMINT dengan keputusan 4 - 2. Melalui perlawanan persahabatan ini kedua-dua pasukan akan dapat menguji kemahiran dan kombinasi pemain sebelum berunding dalam kejohanan sebenar tidak lama lagi. Syabas dan tahniah kepada Pasukan Boling PKNP



"Uji kekuatan" - Pasukan Boling PKNP dan Pasukan PMINT bergambar sebelum perlawanan bermula



**PASUKAN BOLA JARING PKNP JUARA PERLAWANAN PERSAHABATAN EMPAT PENJURU**



Pasukan yang bertanding bersama-sama Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP dan Setiausaha Perbadanan bergambar kenangan

Pasukan PKNP muncul Johan dalam Perlawanan Persahabatan Bola Jaring Empat Penjuru setelah berjaya mengungguli permainan dengan mencatatkan mata tertinggi berbanding tiga pasukan lain yang menyertai pertandingan.

Perlawanan ini anjuran PKNP dan melibatkan penyertaan pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) dan Sekolah Sukan Malaysia Pahang (SSMP). Dalam pertandingan ini, SSMP telah mencatatkan mata kedua tertinggi.

Selain bertujuan untuk menjalinkan ukhwah di antara pasukan yang terlibat, perlawanan ini merupakan antara siri-siri latihan intensif yang menguji tahap kecerdasan pasukan Bola Jaring PKNP sebagai persediaan menyertai Kejohanan Sukan GEMAPUTERA Ke-XVI Selangor 2020 pada 23 hingga 29 Mac 2020 kelak.

**TAKLIMAT STATUS KEANGGOTAAN KOPERASI KAKITANGAN KUMPULAN PKNP PAHANG BERHAD KEPADA BEKAS KITANGAN PASDEC**

Kuantan, 5 Februari - Koperasi Kakitangan Kumpulan PKNP Pahang Berhad (Koop PKNP) telah mengadakan sesi taklimat berkaitan status keanggotaan ahli koperasi kepada bekas kakitangan Pasdec Holdings Berhad bertempat di Dewan EDC, Kompleks Teruntum baru-baru ini.

Sesi taklimat ini diatur adalah susulan daripada sebahagian kakitangan Pasdec yang terlibat dengan Skim Pemberhentian Sukarela (VSS) di mana kesemua mereka adalah merupakan ahli koperasi yang berdaftar. Ahli-ahli telah diberi penerangan mengenai segala prosedur yang perlu dipatuhi termasuklah pembayaran yuran keahlian serta pinjaman yang perlu dibayar mengikut jadual.

Pengerusi Koop PKNP, YH Dato' Haji Ahmad Sabri bin Hussin telah menyampaikan sesi taklimat diikuti dengan sesi soal jawab. Seramai 39 orang bekas kakitangan Pasdec telah menghadiri sesi taklimat ini. Turut hadir Anggota Lembaga Koop PKNP.



Pengerusi Koop PKNP sedang menyampaikan taklimat kepada bekas kakitangan Pasdec

Firman Allah S.W.T : Daripada Abu Sa'id Al Khudri dan Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW bersabda: "Tidaklah seorang Muslim yang ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kegusaran dan kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan duri yang melukainya melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahan-kesalahannya." (Hadith riwayat al-Bukhari, No : 5641, Muslim, No : 2573, at-Tirmizi, No : 966, Ahmad, No : 7684, 8070, 10714)

**HARI KRAF KEBANGSAAN 2020**

**- RASB Sertai Pameran Jualan Produk Tenun Pahang DiRaja**



Booth RASB pameran produk Tenun Pahang Diraja

Kuala Lumpur, 26 Februari - Anak Syarikat PKNP, Realistic Attraction Sdn. Bhd. (RASB) pengeluar tekstil Tenun Pahang Diraja telah menyertai pameran sempena Hari kraf Kebangsaan 2020 yang berlangsung di Kompleks kraf Kuala Lumpur.

Penyertaan dalam program ini merupakan aktiviti tahunan RASB sebagai salah satu usaha untuk mempromosi dan melonjakkan penjualan produk Tenun Pahang Diraja.

Program ini anjuran Perbadanan Kraf Tangan Malaysia telah berlangsung selama 12 hari bermula pada 26 Februari 2020 sehingga 9 Mac 2020.

***Sidang Redaksi***

*Penaung / Penasihat*  
Encik Mohd Faizal bin Jaafar  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

*Penyelaras Penerbitan*  
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

*Ketua Editor*  
Puan Mazilah binti Mansor

*Pengarang*  
Puan Suhalli binti Mohd Kenali  
Puan Faridah binti Mohd Yusoff  
Encik Ahmad Nur Azrul Bin Che Rezali  
Puan Fadila binti Abdul Khalid  
Puan Che Nor Shamsina binti Che Yahya  
Puan Shasiela binti Zulkifli

*Grafik*  
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman  
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli  
Encik Mohd Firdaus bin Abdul Hamid

*Jurufoto*  
Encik Saiful Azli bin Yahia  
Encik Iskandar bin Abdul Samad